

D356

U B083 AAB
MAHATHIR - PELANCONGAN
(I)

KUALA LUMPUR, 14 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, KERAJAAN SEDANG GIAT MELINDUNGI PERDAGANGAN PELANCONGAN DAN BERSEEDIA MENERIMA IDE-IDE DAN PANDANGAN GOLONGAN BERKENAAN.

PELANCONGAN, KATANYA, TELAH MEWUJUDKAN PELUANG BESAR DI ASIA. +IA KINI MELIBATKAN PERNIAGAAN BERNILAI AS\$100,000 JUTA (M\$261,000 JUTA) SETAHUN DAN SEDANG BERKEMBANG PESAT,+ KATANYA.

SEMASA MERASMIKAN PERSIDANGAN TAHUNAN KE-35 PERSATUAN PELANCONGAN KAWASAN PASIFIK (PATA) DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC) DI SINI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, HAKIKAT INI JARANG-JARANG DIKETAHUI OLEH MEREKA DI LUAR INDUSTRI ITU.

BAGAIMANAPUN, BELIAU KESAL KERANA BANYAK ORANG HANYA MELIHAT PADA ASPEK KEBURUKAN PELANCONGAN SAHAJA. -- LAGI
1358MST 14 04 86

D365

U B087 AAB

MAHATHIR - PELANCONGAN 2 KUALA LUMPUR
(I)

+MEREKA BERKATA PELANCONGAN AKAN MEMBAWA KE ARAH PEMUPUSAN KEBUDAYAAN DAN NILAI-NILAI SERTA CARA HIDUP.+

ALANGKAH INDAHNYA, MENURUT ORANG-ORANG ITU, MEMBIARKAN ORANG-ORANG ASLI TINGGAL DENGAN SIFAT SEMULA JADINYA, TANPA DIGANGGU OLEH PARA PELANCONG, KATA PERDANA MENTERI.

BELIAU BERSETUJU BAHAWA TIADA YANG LEBIH INDAH DARIPADA MENYAKSIKAN BULAN PENUH MENYINARI ATAP SESEBUAH PONDOK DIIRINGI LAMBAIAN DEDAUN KELAPA, TETAPI KATANYA +BAGI ORANG YANG KETIKA ITU BERPELUH SAMBIL MENAMPAR NYAMUK UNTUK TIDUR, KEINDAHAN ITU HILANG.+

DATUK SERI DR MAHATHIR BERPENDAPAT, ORANG ITU PASTI MAHUKAN RUMAH BATU DENGAN BEKALAN ELEKTRIK DAN AIR SERTA KEMUDAHAN-KEMUDAHAN LAIN.

+ORANG INI AKAN BERPELUANG MEMPEROLEHINYA JIKA DIA BOLEH MEMPEROLEHI SESUATU DARIPADA PELANCONGAN ATAU SEKURANG-KURANGNYA APABILA NEGARA MAJU DENGAN PELANCONGAN,+ KATANYA. -- LAGI
1425MST 14 04 86

D381

U B095 AAB

MAHATHIR - PELANCONGAN 3 KUALA LUMPUR
(I)

PERDANA MENTERI BERKATA JANGANLAH TERLALU MERISAUKAN PEMUPUSAN KEBUDAYAAN DAN NILAI KERANA +BUDAYA BOLEH DIPELIHARA, BEGITU JUGA DENGAN PONDOK, SINARAN BULAN DAN LAMBAIAN DEDAUN KELAPA, JIKA PARA PELANCONG MAHU MELIHAT PERKARA BERKENAAN.

+TETAPI SELURUH RAKYAT TIDAK BOLEH DIDEBAHKAN KEPADA GIGITAN NYAMUK DAN TIDAK DAPAT MENIKMATI KEHIDUPAN YANG SELESA SEMATA-MATA KERANA ADA ORANG BERPENDAPAT BAHAWA KITA TIDAK SEHARUSNYA MENCEMARMARKAN CARA HIDUP MEREKA,+ KATANYA.

MALAYSIA, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR, MENYEDARI SEPENUHNYA BAHAWA APABILA CIRI-CIRI ISTIMEWA YANG DIMILIKI HILANG, PARA PELANCONG TIDAK AKAN DATANG LAGI KE NEGARA INI. +KITA JUGA SEDAR BAHAWA KITA BOLEH MENGEKALKAN CIRI-CIRI ITU TANPA GIGITAN NYAMUK DAN PONDOK-PONDOK USANG.+

BELIAU MENGAKUI BAHAWA PELANCONGAN BUKANLAH 100 PERATUS BAIK KERANA NILAI-NILAI DAN CARA HIDUP YANG TIDAK BAIK PASTI BERKEMBANG KERANA LEBIH RAMAI ORANG MAMPU MENGEMBARA TETAPI IA MERUPAKAN HARGA YANG PERLU DIBAYAR OLEH SESEORANG KERANA TIADA SESUATU PUN DI DUNIA INI YANG PERCUMA. -- LAGI
1453MST 14 04 86

D397

U B104 AAB

MAHATHIR - PELANCONGAN 4 KUALA LUMPUR

(I)

BAGAIMANAPUN BELIAU BERPENDAPAT, YANG PENTING IALAH SESEBUAH NEGARA PERLU MENGETAHUI CARA MENGURANGKAN KESAN-KESAN BURUK PELANCONGAN DAN SESEBUAH NEGARA TIDAK SEHARUSNYA MENGGELAKKAN DARIPADA BIDANG PELANCONGAN KECUALI ADA PILIHAN LAIN BAGI MENYUMBANGKAN KE ARAH PEMBANGUNAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENYENTUH ASPEK KEMANUSIAAN DALAM INDUSTRI ITU YANG TIDAK BOLEH DIGANTIKAN DENGAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI MODEN.

+APABILA KITA MELANCONG, BUKANLAH SISTEM KOMPUTER DI SESEBUAH HOTEL YANG AKAN KITA KENANGI, TETAPI ORANG YANG KITA TEMUI, BUDI BICARANYA, KEMESRAAN DAN KESOPANANNYA,+ KATANYA.

DALAM HUBUNGAN INI, BELIAU BERKATA, UNSUR-UNSUR KEMANUSIAAN INI PERLU DIPUPUK KERANA BANYAK YANG AKAN DIPEROLEHI DENGAN MENUNJUKKAN KEMESRAAN KEPADA TETAMU.

PELANCONGAN JUGA MEMPUNYAI PERANANNYA PADA MASA KEMELESETAN SEKARANG, KATANYA SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA IA BUKANLAH PERKARA MUDAH UNTUK MENGATASI MASALAH EKONOMI SESEBUAH NEGARA. -- LAGI
1524MST 14 04 86

D403

U B107 AAB

MAHATHIR - PELANCONGAN 5 KUALA LUMPUR

(I)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEPERTI INDUSTRI-INDUSTRI LAIN, PELANCONGAN MEMERLUKAN PERANCANGAN, PELABURAN DAN SOKONGAN DASAR-DASAR KERAJAAN.

GALAKAN KERAJAAN SAHAJA TIDAK MENCUKUPI, KATANYA DAN MENJELASKAN BAHAWA TIADA SIAPA AKAN MELAWAT SESEBUAH NEGARA YANG TIDAK STABIL, TIDAK SELAMAT DAN SISTEM PENTADBIRAN YANG MELAMBAT-LAMBATKAN URUSAN PARA PELAWAT.

+OLEH ITU, KERAJAAN PERLU MEMASTIKAN KESTABILAN POLITIK DAN MENGURANGKAN PERATURAN TERHADAP PARA PELAWAT,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA, SOAL PEMASARAN JUGA PENTING KERANA +WALAU BAGAIMANA INDAHNYA SESEBUAH NEGARA, PELANCONG TIDAK AKAN DATANG TANPA PEMASARAN YANG BAIK.+

PEMASARAN, KATANYA, MELIBATKAN KERAJAAN, ORANG-ORANG DALAM INDUSTRI PELANCONGAN DAN MEDIA, KERANA TANPA MEDIA YANG BERKESAN, USAHA-USAHA KEDUA-DUA PIHAK TADI TIDAK AKAN MENCAPAI MATLAMAT. -- LAGI

1537MST 14 04 86

D411

U B112 AAB

MAHATHIR - PELANCONGAN 6 KUALA LUMPUR

(I)

MENGENAI TEMA PERSIDANGAN +BERGERAK UNTUK KEUNTUNGAN+, MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUTRIAN TENGGU RAZALEIGH HAMZAH, DALAM UCAPANNYA, BERKATA SEJAK BEBERAPA TAHUN KEBELAKANGAN, MALAYSIA TELAH BERSUNGGUH-SUNGGUH MENJALANKAN USAHA KE ARAH MENCAPAI MATLAMAT ITU.

+INI KERANA KAMI YAKIN BAHAWA PELANCONGAN BOLEH MEMBANTU PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA DAN MENGURANGKAN KEKURANGAN IMBANGAN PEMBAYARAN,+ KATANYA.

TENGGU RAZALEIGH, YANG JUGA Pengerusi PATA '86, BERKATA MALAYSIA KINI BERSEDIA MENYUMBANGKAN KE ARAH PERTUMBUHAN PESAT PELANCONGAN DI RANTAU ASIA PASIFIK, TERUTAMA DI RANTAU ASEAN. -- BERNAMA

1600MST 14 04 86